

PERATURAN PERMAINAN SUKAN SUPSAT 2017

PERATURAN BADMINTON CAMPURAN

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut Persekutuan Badminton Antarabangsa (BWF) dan Peraturan-Peraturan Am SUPSAT 2017

1.2 Cara Memutuskan Keputusan Kumpulan

1.2.1 Cara memberi mata :

Menang - 3 mata

Kalah - 0 mata

1.2.2 Jika terdapat 2 atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:

1.2.3 Pasukan yang memenangi bilangan perlawanan yang terbanyak dikira menang (perbezaan perlawanan).

1.2.4 Jika masih seri, pasukan yang memenangi bilangan set yang terbanyak dikira menang (perbezaan set).

1.2.5 Jika masih seri, pasukan yang mendapat perbezaan mata yang terbanyak dikira menang.

1.2.6 Jika masih seri lagi, pasukan yang pernah mengalahkan lawannya dikira menang.

1.2.7 Jika 3 atau lebih pasukan masih seri, pasukan yang mendapat jumlah mata permainan yang terbanyak dikira menang.

2. ACARA BERPASUKAN

2.1 Aturan Perlawanan

2.1.1 Beregu Wanita

2.1.2 Beregu Lelaki Veteran & VIP

2.1.3 Beregu Lelaki

3. SISTEM PERTANDINGAN

3.1 Pusingan pertama adalah berbentuk liga berkumpulan

3.2 Pusingan kedua dijalankan secara kalah keluar

3.3 SENARAI NAMA Senarai nama pemain dan pemain simpanan (Borang Pendaftaran Perlawanan) yang akan mengambil bahagian dalam pertandingan hendaklah diserahkan kepada pengadil/referee kehormat yang bertugas sekurang-kurangnya 15 minit sebelum perlawanan dimulakan.

4. PENDAFTARAN PEMAIN

4.1 Setiap pasukan hanya dibenarkan mendaftar pemain-pemain seperti berikut:

4.1.1 Dua (2) pemain Beregu Lelaki

4.1.2 Dua (2) pemain Beregu Wanita

4.1.3 Dua (2) pemain Beregu Veteran/VIP

(Veteran berumur 40 tahun & ke atas ikut tahun kelahiran 1977 & sebelum manakala VIP untuk jawatan Pengarah, Timbalan Pengarah, Ketua Penolong Pengarah atau Ketua Pusat di Pusat Sukan)

4.2 Seseorang pemain hanya dibenarkan bertanding sekali sahaja dalam acara yang sama dimana-mana pertandingan ("tie").

4.3 Sekiranya pengadil kehormat berpendapat bahawa sesuatu keadaan itu tidak sesuai untuk bermain, tarikh dan masa pertandingan hendaklah ditetapkan dengan syarat memberitahu terlebih dahulu universiti-universiti yang terlibat.

4.4 Jika pemain yang tidak hadir apabila masa permainannya tiba, maka permainan itu sahaja akan diambil kira sekiranya sebagai kemenangan percuma ("walk over") dengan kemenangan 11-0, 11-0.

4.5 Pemain atau pengurus pasukan boleh merayu kepada pengadil atas segi undang-undang sahaja ("point of law"). Walau bagaimanapun keputusan pengadil adalah muktamad.

PERATURAN DART

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Dart '*Baker's System*' menggunakan **Format 501**.

2. PENYERTAAN

2.1 Kelayakan penyertaan hendaklah mematuhi Peraturan Am Sukan SUPSAT 2017.

3. PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN PEMAIN

3.1 Setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini mestilah mengisi borang penyertaan yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan;

3.2 Setiap pasukan hanya dibenarkan mendaftar pemain-pemain seperti berikut:

3.2.1 Lima (5) pemain (TERBUKA)

*****Setiap pasukan MESTI menyenaraikan minimum satu (1) orang Pegawai Gred 41 & Ke Atas***

4. PERATURAN PERTANDINGAN

4.1 Semua pertandingan hendaklah mengikut Undang-undang Pertandingan Persatuan Dart Malaysia dan Peraturan Am Sukan SUPSAT 2017 beserta dengan undang-undang dan peraturan yang disediakan oleh Pihak Penganjur

5. PAKAIAN PERTANDINGAN

5.1 Pemain hendaklah berpakaian kemas,

5.2 Bermain tanpa memakai kasut, berseluar pendek atau menggunakan selipar atau memakai kemeja T tanpa kolar atau tanpa lengan adalah tidak dibenarkan.

6. SISTEM PERTANDINGAN

6.1 Sistem pertandingan akan mengikut Peraturan Am Sukan SUPSAT 2017 dan peraturan pihak penganjur.

- 6.2 Sistem pertandingan adalah secara '*Baker's System*' di mana setiap pemain (5 orang pemain sepasukan) hanya dibenarkan menggunakan satu(1) 'dart' sahaja dan bermain secara bergilir-gilir sehingga tamat perlawanan.
- 6.3 Semua permainan dimulakan dengan "*straight start*" dan ditamatkan dengan "double" menggunakan kiraan 501.
- 6.4 Pemain tidak dibenarkan mencabut "dart" nya dari "dartboard" sehingga ia bersetuju dengan "score" yang diperolehi atau sebelum "Caller/chalker" membuat kiraan;
- 6.5 Mana-mana salahkita yang dibuat oleh "*caller/chalker*" mengenai baki mata, pemain hendaklah memberitahu "*caller/chalker*" kesalahan berkenaan dan diperbetulkan sebelum pemain tersebut meneruskan balingannya. Sekiranya tidak ada sebarang bantahan yang dibuat oleh mana-mana pihak, maka kesilapan itu akan ditetapkan sah dan sebarang perubahan atau "*score*" tersebut tidak akan dilayan;
- 6.6 Kemenangan setiap pasukan adalah dikira mengikut set yang menang dan kalah
- 6.7 Bagi permainan di peringkat suku akhir dan seterusnya, Jawatankuasa Kecil Teknikal Pertandingan boleh menamatkan sesuatu perlawanan jika sekiranya mana-mana satu pasukan telah mencapai mata kemenangan iaitu telah memenangi 3 permainan.

PERATURAN ROAD RELAY

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Road Relay Sukan SUPSAT 2017.

1.2 Pertandingan ini dikendalikan oleh Pusat Sukan UNIMAS dengan kerjasama Persatuan Olahraga Amatur Sarawak (SAAA)

2. PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN PEMAIN

2.1 Setiap pasukan dikehendaki mendaftar tidak lebih dari Empat (4) peserta sahaja tanpa mengira jantina dan **MESTI** menyenaraikan **satu (1) orang Pegawai Gred 41 & Ke Atas**.

2.2 Senarai susunan peserta hendaklah diserahkan kepada urusetia 15 minit sebelum pertandingan bermula menggunakan borang yang disediakan.

2.3 Peserta-peserta yang didaftarkan hendaklah mengikut Peraturan Am Sukan SUPSAT 2017.

3. UNDANG-UNDANG

3.1 Jarak keseluruhan bagi acara lari berganti-ganti ialah 2 km

3.2 Pertukaran pelari tidak dibenarkan sebaik sahaja acara lari berganti-ganti ini bermula.

3.3 Setiap pelari perlu berlari sejauh 0.5 km (500 meter) dan selepas itu menyerahkan baton kepada pelari berikutnya sehingga larian tamat.

3.4 Penyerahan baton harus dilakukan dalam lingkungan 10 meter sebelum/selepas pelari itu tamat lariannya.

3.5 Setiap pelari diwajibkan memegang baton pada setiap masa berlari

3.6 Setiap pelari hanya dibenarkan berlari sejauh 0.5 km. Mana-mana pasukan yang didapati menggunakan pelari yang sama untuk berlari lebih dari 0.5 km akan dibatalkan lariannya.

3.7 Mana-mana pelari yang didapati menghalang dan mencederakan pelari lain akan dibatalkan lariannya bersama-sama pasukannya.

- 3.8 Semua pelari dinasihatkan mengikut arahan pegawai bertugas dan sekiranya didapati melanggar arahan ini akan dibatalkan lariannya bersama-sama pasukannya.
- 3.9 Pelari KEEMPAT yang melintasi garisan penamat dahulu, akan diumumkan sebagai pemenang dan seterusnya untuk kedudukan kedua dan ketiga.
- 3.10 Segala keputusan pengadil berkaitan undang-undang pertandingan adalah MUKTAMAD.

PERATURAN FUTSAL LELAKI

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Permainan Futsal bagi Sukan SUPSAT 2017 akan dianjurkan oleh Pusat Sukan UNIMAS berdasarkan Peraturan Am Sukan SUPSAT 2017 dengan kerjasama Persatuan Pengadil Futsal Sarawak.

2. PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN PEMAIN

2.1 Setiap pasukan boleh menghantar satu (1) pasukan sahaja yang terdiri daripada 10 orang pemain . Setiap pasukan **MESTI** menyenaraikan minimum **satu (1) orang Pegawai Gred 41 & Ke Atas**.

2.2 Permainan dipertandingkan dalam bentuk Liga Kumpulan (bergantung kepada jumlah pasukan)

3. SISTEM DAN PERATURAN PERTANDINGAN

3.1 Sistem pertandingan ini dijalankan secara Liga Kumpulan dan secara kalah mati di peringkat Suku Akhir, Separuh Akhir & Akhir

3.2 Masa bagi perlawanan Futsal adalah seperti berikut:

Separuh masa pertama : 7 minit

Masa berehat : 1 minit

Separuh masa kedua : 7 minit

(Running time)

3.3 Dalam setiap permainan, **minimum satu (1) pemain (Pegawai Gred 41 & Ke Atas) MESTI** berada dalam gelanggang permainan.

3.4 Pasukan yang akan bermain hendaklah berada dalam padang **lima (5)minit** sebelum perlawanan dimulakan. Kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawan jika sesuatu pasukan gagal berada dalam padang selepas **lima (5) minit** dari masa sesuatu perlawanan sepatutnya dimulakan.

3.4.1 Dalam peringkat separuh akhir dan akhir, sekiranya dua pasukan yang bermain masih dalam kedudukan seri setelah masa sebenar tamat, maka tendangan penalti sebanyak tiga (3) kali akan diberikan. Pasukan yang banyak menyempurnakan tendangan penalti akan diumumkan sebagai pemenang. Jika masih seri sistem "**Sudden Death**" akan digunapakai bagi tendangan penalti bagi menentukan pemenang.

3.5 Pemberian mata ialah :

Menang : 3 mata

Seri : 1 mata

Kalah : 0 mata

3.6 Jika terdapat dua (2) atau lebih pasukan mempunyai jumlah mata teratas yang sama, kaedah berikut hendaklah dipatuhi bagi menentukan pasukan yang layak ke perlawanan akhir.

3.7 Pasukan yang mempunyai jumlah **perbezaan bilangan gol** yang banyak,

3.8 Jika seri, pasukan yang mempunyai **jumlah jaringan gol** terbanyak,

3.9 Jika masih seri, tendangan penalti sebanyak tiga (3) kali akan diberikan. Pasukan yang banyak menyempurnakan tendangan penalti akan diumumkan sebagai pemenang; dan jika masih seri sistem "**Sudden Death**" akan digunapakai bagi tendangan penalti bagi menentukan pemenang.

4. PERTUKARAN PEMAIN

4.1 Tiada had penukaran pemain pada setiap perlawanan.

5. KEMENANGAN PERCUMA

5.1 Kemenangan percuma akan diberikan kepada mana-mana pasukan, jika pasukan lawannya didapati melakukan kesalahan seperti berikut :-

5.1.1 Gagal berada di gelangan selepas lima **(5) minit** dari masa perlawanan sepatutnya dimulakan

5.1.2 Gagal menyediakan sekurang-kurangnya tiga **(3) pemain**.

5.1.3 Menarik diri atau tidak mahu meneruskan perlawanan.

5.1.4 Pasukan yang diberi kemenangan percuma akan mendapat tiga (3) mata dan kiraan jaringan 2-0.

6. PERATURAN AM

6.1 Jika seseorang pemain telah menerima dua (2) kad kuning dalam perlawanan sebelumnya pemain tersebut secara automatik tidak dibenarkan bermain satu (1) perlawanan berikutnya.

- 6.2 Jika seseorang pemain menerima dua (2) kad kuning dan seterusnya diberikan satu (1) kad merah dalam satu (1) perlawanan dan diperintahkan keluar padang, pemain tersebut tidak boleh bermain dalam satu (1) perlawanan berikutnya.
- 6.3 Jika seseorang pemain ditunjukkan kad merah dan diperintahkan keluar padang dalam satu (1) perlawanan, pemain tersebut tidak dibenarkan bermain dalam satu (1) perlawanan seterusnya untuk pertandingan ini.
- 6.4 Pasukan yang bertanding digalok menyediakan dua (2) set jersi yang mempunyai nombor masing-masing dan berwarna yang berlainan iaitu untuk jersi utama dan jersi simpanan. Sekiranya dua (2) pasukan yang bertanding memakai jersi yang sama warnanya, pasukan yang namanya tercatat kedua dalam senarai jadual perlawanan akan menukarkan jersinya. Penjaga gol semasa bermain dalam perlawanan akan memakai warna yang berbeza daripada kedua-dua pasukan yang bertanding dan juga berbeza daripada Pengadil.
- 6.5 Semua pemain mesti memakai jersi yang lengkap dengan stoking panjang dan pemain akan diberi amaran serta tidak dibenarkan bermain didalam perlawanan tersebut. Kesalahan yang berulang kali akan menyebabkan pasukan itu disingkir daripada liga.**
- 6.6 Hanya jersi bernombor sahaja dibenarkan. Setiap pemain hendaklah berpakaian yang sesuai dan sopan ketika perlawanan dijalankan.
- 6.7 Pihak penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini terhadap mana-mana pihak sebelum, semasa dan selepas pertandingan ini dijalankan.
- 6.8 Jika tidak disebut di dalam syarat-syarat pertandingan ini maka syarat-syarat Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) dan Persatuan Bolesapak Malaysia (FAM) hendaklah digunakan.

PERATURAN MEMANCING

1. **TARIKH, MASA DAN TEMPAT PERTANDINGAN**

- 1.1 Tarikh : 9 Disember 2017 (Sabtu)
- 1.2 Masa : 9.00 pagi – 11.00 pagi
- 1.3 Tempat : Tasik UNIMAS, Sekitar Student Pavillion

2. **PENYERTAAN DAN PENDAFTARAN**

2.1 Penyertaan adalah terbuka kepada **warga Pusat Sukan IPTA (SUPSAT)** sahaja.

2.2 Penyertaan dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu:

2.1.2 Terbuka staf SUPSAT

2.1.2 VIP (Ketua Pusat, Timbalan Penagarah & Pengarah Pusat Sukan / Gred 48 & Ke Atas)

3. **HADIAH PERTANDINGAN**

3.1 Hadiah menarik disediakan kepada tiga (3) orang pemenang setiap kategori berdasarkan **Ikan Terberat**

4. **PERATURAN PERTANDINGAN**

4.1 Peserta boleh mendaftar **maksimum dua (2) joran sahaja** untuk setiap kategori.

4.2 Semua perbelanjaan bagi menyertai pertandingan ini adalah tanggungan sendiri dan pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab di atas semua kehilangan, kemalangan atau kecelakaan yang menimpa peserta;

4.3 Peserta bebas memilih lokasi memancing tetapi dilarang keluar dari kawasan yang ditetapkan dan pihak penganjur berhak menentukan kawasan yang dibenarkan mengikut jumlah penyertaan

5. KAWALAN KAWASAN

- 5.1 Peserta **DILARANG** membuang sampah di kawasan memancing;
- 5.2 Peserta adalah **DILARANG** sama sekali masuk ke dalam tasik;
- 5.3 Peserta **DILARANG** merosakkan pokok dan tanaman di kawasan memancing.

6. UMPAN

- 6.1 Peserta boleh menggunakan umpan seperti dedak/ cacing/ cengkerik/ roti/ pellet/ ikan hidup/ lipas/ lipan/ ulat gendon/ jenis-jenis ulat hidup/ bahan-bahan daripada buah-buahan seperti pisang/ betik/ buah kelapa sawit/ marshmallow/ telur kerengga.